

PEMBANGUNAN PELANCONGAN PULAU



Penilaian Kesan Fizikal dan Sosial

Laporan Penyelidikan IRPA Jangka
Pendek

Disediakan oleh

Prof. Madya Dr. Badaruddin Mohamed

15 April 2006



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pembangunan Pelancongan Pulau: Penilaian Kesan Fizikal dan Sosial

Laporan Penyelidikan IRPA Jangka Pendek

Universiti Sains Malaysia

Pembangunan Pelancongan Pulau:

Penilaian Kesan Fizikal

dan Sosial

Badaruddin Mohamed

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan

April 2006

PENGHARGAAN

Laporan ini adalah Laporan Penyelidikan IRPA Jangka Pendek yang disediakan bagi melaporkan hasil kajian Irpa Jangka Pendek yang bertajuk "Pembangunan Pelancongan Pulau: Penilaian Kesan Fizikal Dan Sosial". Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada organisasi-organisasi berikut:

- Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia
- Dekan, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan
- Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan USM (RCMO)
- Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTE)
- Tourism Research Circle (TRC), Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan
- Semua penyelidik dan pembantu penyelidik yang telah membantu menjalankan kajian dan laporan penyelidikan ini.

PERINGATAN

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana –mana bahagian artikal, ilustrasi dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Badaruddin Mohamed, P.P Perumahan, Bangunan & Perancangan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	4
SENARAI JADUAL	6
SENARAI RAJAH.....	7
SENARAI FOTO	7
SENARAI APPENDIKS.....	8
1.0 PENDAHULUAN	9
1.1 PENGENALAN	9
1.2 SENARIO PELANCONGAN DI MALAYSIA	11
1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	13
1.4 METODOLOGI KAJIAN	14
1.5 KAWASAN KAJIAN.....	14
1.6 SENARIO UMUM PEMBANGUNAN PULAU PELANCONGAN.....	15
1.7 PELANCONGAN DAN KESAN-KESAN FIZIKAL.....	17
1.8 PELANCONGAN DAN KESAN-KESAN SOSIALNYA	21
2.0 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN	24
2.1 PULAU REDANG	24
2.2 PULAU TIOMAN.....	23
2.3 KESAN-KESAN FIZIKAL PELANCONGAN KE ATAS PULAU TIOMAN	27
2.4 PULAU LANGKAWI	33
2.4.1 PULAU PAYAR.....	36
2.5 PULAU PANGKOR	36
3.0 METODOLOGI KAJIAN.....	40
3.1 PENGENALAN	40
3.2 REKABENTUK BORANG SOAL SELIDIK	40
3.3 KAEDAH KAJI SELIDIK.....	42
3.4 SAMPEL DAN KADAR MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK	42
3.5 METODOLOGI ANALISIS	43
3.6 LIMITASI PENYELIDIKAN.....	43
4.0 HASIL PENEMUAN	43
4.1 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN	43
4.2 KEKERAPAN DAN PERASAAN BERTEMU PELANCONG ASING.....	46
4.3 PANDANGAN PENDUDUK TERHADAP KESAN AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN PULAU	48
4.4 ANALISIS FAKTOR.....	55
5.0 ULASAN DAN PENUTUP	58
5.1 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI KAJIAN	59
5.2 PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP PEMBANGUNAN PELANCONGAN	59
5.3 PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP KESAN SOSIAL DAN ALAM SEKITAR	60
6.0 BIBLIOGRAFI.....	60
7.0 APPENDIKS	62
7.1 APPENDIKS 1 SOALAN SOALSELIDIK.....	62
7.2 APPENDIKS 2	66

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Kedatangan Pelancong dan Pendapatan Sektor Pelancongan	9
Jadual 2 : Angka Ketibaan Pelancong di Malaysia	12
Jadual 3 Jumlah Penduduk Pulau Redang Tahun 1996-2004.....	28
Jadual 4 : Bilangan Rumah di Pulau Tioman pada Tahun 1991 dan 2004.....	26
Jadual 5: Maklumat Pemilikan Tanah Di Pulau Tioman	32
Jadual 6: Agihan Borang Soal Selidik di kawasan kajian	42
Jadual 7 Jantina dan Umur Responden	44
Jadual 8: Latar Belakang Etnik Responden.....	44
Jadual 9: Taraf Pendidikan Tertinggi Responden.....	45
Jadual 10: Tempoh menetap responden di kawasan kajian.....	46
Jadual 11: Kekerapan dan Perasaan Bertemu Pelancong Asing	47
Jadual 12: Umur Responden Dan Kekerapan Responden Bertemu Pelancong Asing	47
Jadual 13: Pandangan Responden Terhadap Tahap Pembangunan Pelancongan.	48
Jadual 14 : Indikator Kesan Kepada Aktiviti dan Pembangunan Pelancongan	49
Jadual 15 : Persepsi Responden Terhadap Aktiviti & Pembangunan Pelancongan.	50
Jadual 16 : Indikator kesan kepada alam sekitar	52
Jadual 17: Persepsi responden terhadap kesan alam sekitar	53
Jadual 18 : Indikator Kesan Sosial	54
Jadual 19 : Persepsi responden terhadap kesan sosial	55
Jadual 20 : Analisis Faktor Kesan Alam Sekitar	56
Jadual 21 : Analisis Faktor Kesan Sosial.....	57

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Metodologi Kajian.....	15
Rajah 2 : Peta Malaysia dan Kawasan Kajian	16
Rajah 3 : Peta Negeri Terengganu	24
Rajah 4: Peta Gugusan Pulau Redang.....	26
Rajah 5: Peta Topografi Pulau Redang.....	29
Rajah 6 : Peta Negeri Pahang	24
Rajah 7 : Peta Gugusan Pulau Tioman	25
Rajah 8: Kawasan Taman Laut	30
Rajah 9: Pelan Induk Pembangunan Pulau Tioman.....	31
Rajah 10: Pelan Rezab Hidupan Liar di Pulau Tioman.....	33
Rajah 11: Peta Pulau Langkawi.....	34
Rajah 12: Peta Pulau Pangkor	37
Rajah 13: Pekerjaan Responden Mengikut Sektor	45

SENARAI FOTO

Foto 1 Permintaan terhadap patung ukiran memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Bali.....	11
Foto 2 Kehadiran pelancong di Beras Terbakar, Langkawi membuka peluang niaga kepada penduduk-penduduk kampung di pulau tersebut.	11
Foto 3 Kenyir turut menjadi menerima kesan pembangunan pelancongan.....	19
Foto 4 Pantai Phuket, Thailand	20
Foto 5 Pulau Payar, Langkawi.....	22
Foto 6 Penaiktarafan Angkor Wat menjadi tapak warisan dunia membantu memelihara tapak ini.	23
Foto 7 Kehadiran pelancong di Thailand, seperti di Pattaya dikatakan menarik ramai pelancong asing	23
Foto 8: Pemandangan di sekitar Pulau Redang	25
Foto 9 Ekosistem marin yang masih terpelihara di Pulau Redang	28
Foto 10 Bukit Nenek Si Mukut Membentuk <i>Twin Peaks</i>	27

Foto 11 Projek penghadang hakisan ini dikatakan menghilangkan daya tarikan Kampung Tekek	27
Foto 12 Kampung Tekek kini tidak lagi digemari pelancong backpackers.....	27
Foto 13: Terumbu Karang dan kawasan sekitar Pulau Tioman.....	29
Foto 14: Tempat-tempat yang menarik di Pulau Langkawi.....	36
Foto 15: Pemandangan di Pulau Pangkor.....	38
Foto 16: Tempat-tempat yang menarik di Pulau Pangkor	39

SENARAI APPENDIKS

APPENDIKS 1: BORANG SOAL SELIDIK

APPENDIKS 2: KERTAS KERJA

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Malaysia dijangka menerima kira-kira 20 juta pelancong menjelang 2010 yang menyumbang kepada RM50 bilion kepada ekonomi negara dalam bentuk pertukaran asing. Angka ini merupakan peningkatan sebanyak 93.8% dari pendapatan pelancong pada tahun 2002 (RM23.8 bilion) hasil dari kedatangan seramai 13.3 juta pelancong. Data terkini kedatangan pelancong ke Malaysia pada tahun 2005 adalah sebanyak 16.7 juta pelancong asing dan telah menyumbang hampir RM30 billion kepada ekonomi Malaysia (Jadual 1).

Jadual 1: Kedatangan Pelancong dan Pendapatan Sektor Pelancongan

Tahun	Kedatangan Pelancong (juta)	Pendapatan (RM juta)
2001	12.78	24,221.5
2002	13.29	25,781.1
2003	10.58	21,291.1
2004	15.70	29,651.4
2005	16.7	30,000.0

Sumber : <http://www.motour.gov.my>

Peningkatan pesat sektor pelancongan negara terus mengarah kepada pembukaan satu demi satu kawasan baru, kemunculan konsep pelancongan alternatif seperti pelancongan eko, pelancongan kampung, dan pelancongan warisan telah membuka pelbagai ruang untuk sektor pelancongan untuk terus berkembang. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelancongan lebih tertumpu di kawasan yang kaya dengan sumber alam semulajadi seperti hutan, laut dan pergunungan.

Perkembangan pelancongan dan resort di negara ini banyak tertumpu di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan air (Badaruddin, 2000). Justeru itu, kawasan-kawasan rekreasi dibangunkan di kawasan yang mempunyai sungai, air terjun, tasik dan juga laut. Pulau-pulau seperti Tioman, Pangkor, Langkawi dan Redang terus menjadi popular akibat peningkatan kemudahan perhubungan. Misalnya, jika dahulu pelancong-pelancong perlu menempah bot-bot nelayan untuk ke pulau Langkawi, Tioman mahupun Perhentian, kini terdapat banyak pengusaha bot tempatan yang menawarkan bot dan feri ekspres untuk ke pulau-pulau tersebut. Selain itu, pulau-pulau juga menerima pelancong-pelancong long haul yang tiba dengan pesawat yang mendarat di lapangan terbang. Namun demikian, kajian-kajian terkini mula tertumpu kepada kemusnahan sosio-ekonomi yang berlaku akibat Pembangunan Pelancongan secara besar-besaran, Terutama di kawasan-kawasan terpencil dan pulau-pulau yang popular yang kini lebih mudah dihubungi (Briguglio dan lain-lain, 1996).

Sejak awal lagi pulau terus menjadi pilihan dan tumpuan pelancong di negara ini. Kombinasi 3S (*Sun, Sea & Sand*) iaitu matahari, laut dan pasir serta laut, pantai dan kehijauan hutan tropika yang kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna, merupakan faktor yang membuktikan pulau-pulau di Malaysia menjadi tumpuan utama bagi pelancong tempatan mahupun pelancong asing. Justeru, pulau-pulau seperti Pulau Pinang, Langkawi, Redang, Pangkor dan Tioman, mengalami perubahan dalam pembangunan resort-resort dan hotel yang bertaraf antarabangsa.

Pertumbuhan pesat pulau-pulau sebagai destinasi pelancongan yang membawa kepada pelbagai kesan positif bukan sahaja kepada pengusaha pelancongan dan penduduk tempatan malah memberi pulangan kepada ekonomi, sosial dan juga fizikal di kawasan tersebut. Sektor pelancongan sering mendapat tempat di kalangan masyarakat tempatan khususnya, kerana ia berpotensi untuk membawa peluang pekerjaan dan perniagaan(Foto 1 & Foto 2). Dari sudut budaya juga pelancongan dikatakan membuka peluang kepada tercetusnya perkembangan dan pertukaran budaya, manakala dari sudut fizikal, pelancongan menjadi pemangkin kepada penyediaan jalan raya dan lain-lain kemudahan yang boleh dinikmati bersama pelancong dan juga masyarakat setempat. Namun begitu, pertumbuhan pelancongan yang keterlaluan dan tidak terkawal turut dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif yang mendesak penyelidikan yang lebih teliti dan mendalam, kesan-kesan negatif kerap lebih serius berlaku di persekitaran yang

sensitif seperti paya bakau, sungai dan ekosistem pulau yang menjadi fokus penyelidikan ini.




Foto 1 Permintaan terhadap patung ukiran memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Bali



Foto 2 Kehadiran pelancong di Beras Terbakar, Langkawi membuka peluang niaga kepada penduduk-penduduk kampung di pulau tersebut.

1.2 SENARIO PELANCONGAN DI MALAYSIA

Pelancongan terus menjadi salah sebuah sektor penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Angka ketibaan pelancong dari pasaran antarabangsa menunjukkan peningkatan yang memberansangkan terutamanya sejak Kempen Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990, dengan angkanya meningkat sebanyak 54% dari tahun sebelumnya dan mencecah angka 7.45 juta. Walau bagaimanapun, angka ini mengalami penurunan sedikit pada tahun 1997-1998 ekoran pelbagai masalah yang dihadapi oleh sektor pelancongan dunia, amnya dan Malaysia, khususnya. Pada tahun 2003, Malaysia merekodkan ketibaan sebanyak 10.6 juta pelancong asing yang menjana pendapatan sebanyak RM21.3 bilion, khususnya menerusi pertukaran wang asing. Angka ini terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2004 dan melebihi ramalan Rancangan Malaysia Ke-8 yang meramalkan negara ini akan menerima ketibaan pelancong seramai hanya 14 juta pada tahun 2004.

Jadual 2 menunjukkan ketibaan pelancong asing dari negara-negara ASEAN, Asia dan juga Eropah pada tahun 2004 hingga Januari 2005. Negara yang

menunjukkan peningkatan tertinggi adalah Korea Selatan dengan perubahan sebanyak 94.5%, diikuti dengan Saudi Arabia sebanyak 69.6%. Lebanon juga antara penyumbang kepada jumlah kedatangan pelancong di Malaysia dengan perubahan sebanyak 51.4% dan seterusnya Thailand dan Finland, masing-masing sebanyak 33.9% dan 30.9%.

Sebaliknya, perubahan peratusan kemerosotan yang paling ketara adalah pelancong dari Hong Kong dengan kemerosotan sebanyak 58%, diikuti dengan Syria dengan 54.9%, China 46.9%, Itali 35.4% dan Taiwan 34.5%.

Jadual 2 : Angka Ketibaan Pelancong di Malaysia

NEGARA	Januari		Perubahan (%) Januari 2005 / Januari 2004
	2004	2005	
Singapura	812,050	826,099	1.7
Thailand	109,486	146,614	33.9
Indonesia	84,178	79,550	-5.5
Brunei	68,726	51,144	-25.6
China	49,863	26,485	-46.9
Japan	28,743	30,401	5.8
Taiwan	18,729	12,271	-34.5
Hong Kong	9,005	3,785	-58.0
Korea Selatan	5,892	11,461	94.5
India	15,952	15,117	-5.2
Asia Timur	6,983	8,256	18.2
Saudi Arabia	1,397	2,369	69.6
Turki	444	573	29.1
Uae	659	736	11.7
Jordan	187	147	-21.4
Kuwait	293	320	9.2
Lebanon	865	1,310	51.4
Syria	1,414	638	-54.9
Oman	567	571	0.7
Kanada	3,641	3,039	-16.5
U.S.A	17,468	12,364	-29.2
Australia	22,514	27,641	22.8

United Kingdom	19,800	22,511	13.7
Denmark	1,134	1,046	-7.8
Finland	1,248	1,634	30.9
Norway	1,033	975	-5.6
Sweden	3,798	4,205	10.7
German	4,486	4,899	9.2
Rusia	1,759	2,159	22.7
Italy	2,816	1,818	-35.4
Perancis	3,037	3,160	4.1
Africa Selatan	1,540	1,853	20.3
Lain-Lain	114,300	95,545	-16.4
Jumlah	1,408,181	1,394,032	-1.0

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia, 2005

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perkara-perkara berikut:-

1. Menganalisa tahap pembangunan di pulau-pulau terpilih iaitu Pulau Pangkor, Redang, Langkawi, dan Tioman.
2. Meneliti pandangan penduduk setempat terhadap kesan-kesan pembangunan pelancongan dan kedatangan pelancong dari aspek fizikal dan sosial.


1.4 METODOLOGI KAJIAN

Seperti yang ditunjukkan di Rajah 1, proses kajian yang dijalankan melibatkan 6 peringkat. Fasa pertama melibatkan kajian awalan dan sorotan karya terhadap kesan pembangunan pulau dari aspek fizikal dan sosial. Seterusnya pada fasa kedua, penetapan kawasan kajian iaitu pemilihan empat buah pulau (Pulau Tioman, Pulau Redang, Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi) dan inventori tahap pembangunan pelancongan di kawasan kajian serta impak pembangunan dari aspek fizikal dan sosial untuk menghasilkan borang soal selidik.

Pada fasa 3 pula, melibatkan kajian lapangan yang dilakukan di kawasan kajian dan pengumpulan borang kajiselidik dari kawasan kajian. Kemudian, di fasa 4 adalah proses menganalisis dan sintesis data daripada borang kajiselidik yang dikumpulkan. Seterusnya hasil penemuan dibincangkan dalam fasa 5. Akhirnya, pada fasa 6, penghasilan cadangan dan kesimpulan kajian yang dijalankan.

1.5 KAWASAN KAJIAN


Pemilihan Pulau Langkawi, Pulau Redang, Pulau Tioman, dan Pulau Pangkor adalah sebagai sampel yang dapat memberikan gambaran mengenai impak daripada aktiviti dan pembangunan pelancongan di pulau-pulau di Malaysia terhadap kesan alam sekitar dan aspek sosial di kawasan kajian. Kedudukan pulau-pulau ini juga sudah dikenali sebagai destinasi pelancongan dan pembangunan pelancongan serta mampu menonjolkan kesan terhadap alam sekitar dan aspek sosialnya. Justeru itu, rasional pemilihan pulau-pulau ini sebagai sampel kajian adalah bertepatan dengan matlamat kajian ini dilakukan.



RAJAH 1 Metodologi Kajian

1.6 SENARIO UMUM PEMBANGUNAN PULAU PELANCONGAN

Pulau sering menjadi destinasi fantasi pelancong-pelancong dunia. Pulau pelancongan sering dipasarkan sebagai lokasi yang eksotik, dengan pasir putih serta pohon-pohon kelapa yang melambai-lambai. Di Malaysia, Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Pulau Redang, dan Pulau Pangkor adalah antara destinasi-destinasi popular selain dari Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bahru (Rajah 2).



RAJAH 2 Peta Malaysia dan Kawasan Kajian

Sumber: <http://www.malaysia-maps.com>

Perkembangan sektor pelancongan pulau banyak bergantung kepada kewujudan sistem pengangkutan air yang berkesan. Sektor pelancongan Pulau Tioman yang terjejas teruk akibat dari Musim Tengkujuh yang berpanjangan pada hujung tahun 1998 memberikan gambaran betapa pulau ini dan pulau-pulau lain di Malaysia banyak bergantung kepada sistem pengangkutan air. Sistem pengangkutan air penting untuk menghubungkan pulau-pulau tersebut dengan pasaran pelancongan tetapi juga menjadi nadi perhubungan di antara tempat-tempat yang terdapat di sesebuah pulau tersebut. Selain dari feri-feri yang menghubungkan pulau ini dengan tiga pengkalan utama iaitu Mersing (Johor), Singapura dan Tanjung Gemuk (Pahang), terdapat juga teksi laut, bas laut dan bot sewa yang membawa pelancong mengunjungi destinasi-destinasi tertentu seperti lokasi menyelam dan pulau batu karang (*Coral Island*). Sistem yang serupa dapat diperhatikan di pulau-pulau lain seperti Langkawi dan juga Pangkor. Di Pangkor, misalnya, terdapat dua jenis feri yang menawarkan kelas perkhidmatan yang berbeza iaitu bas ekspres yang lebih selesa untuk pelancong, dan bot biasa untuk penduduk tempatan yang berulang-alik.

Pulau-pulau yang dipilih ini adalah dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:-

- 1) Pulau Redang: Destinasi pulau yang baru dan sedang membangun
- 2) Pulau Tioman: Destinasi pulau yang telah lama dan sedang membangun
- 3) Pulau Langkawi: Destinasi pulau yang telah matang dan tepu pembangunannya
- 4) Pulau Pangkor: Destinasi pulau yang dianggap telah melampau era kemuncaknya

Pulau-pulau pilihan ini merupakan antara pulau-pulau yang sudah lama dibangunkan untuk projek-projek pembangunan pelancongan seperti hotel, restoran dan kedai makan, pengangkutan awam dan sektor sokongan yang lain untuk menampung kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa serta keperluan penduduk tempatan. Pembangunan ini telah membuka banyak peluang untuk penduduk tempatan dan pihak yang menawarkan perkhidmatan sokongan membangunkan perusahaan mereka di sini. Namun, ia bukan sahaja hanya membawa kebaikan, malah turut membawa keburukan kepada penduduk tempatan khususnya, dan pelancong asing amnya. Oleh sebab pembangunan yang dijalankan tidak dipantau dan dikawal, maka kebanyakan pembangunan tersebut telah menyebabkan kesan terhadap keadaan fizikal dan juga sosial di sesebuah pulau itu. Kesan ini dapat dilihat dengan jelas kerana pembangunan pelancongan di pulau-pulau itu telah memakan masa lebih dari 30 tahun dahulu.

1.7 PELANCONGAN DAN KESAN-KESAN FIZIKAL

Pembangunan sering dikaitkan dengan pelbagai kesan—baik positif, mahupun negatif. Sebagai sebuah pulau peranginan yang tersohor, Pulau Pinang hari ini gagal mempertahankan statusnya sebagai pulau mutiara akibat pelbagai kesan pembangunan yang tidak terkawal. Dalam usaha untuk terus menarik lebih ramai pelancong ke pulau ini, Pulau Pinang kini dibelenggu masalah kesesakan, pencemaran laut dan darat, serta pembangunan fizikal yang melampau (Mohd Anwar, 2004).

Pelancongan dianggap sesetengah negara sebagai 'a necessary evil'...Kejahatan yang perlu dan kadangkala dianggap sebagai 'barah yang menyengat pertumbuhan bangsa' (Cancer upon the growth of nationhood) (Rahman, 1982). Menurut Pizam dan Milman (1984: 11), impak-impak sosial dan budaya adalah cara-cara pelancongan membawa perubahan kepada sistem nilai, kelakuan individu, hubungan kekeluargaan, carahidup, moral, ekspresi kreatif, upacara tradisional dan juga organisasi masyarakat. Antara kaedah yang pernah digunakan untuk mengkaji tahap kemusnahan alam sekitar adalah Kaedah **Site Disturbance Record (SDR)** yang merangkumi (1) ukuran kerosakan tapak; (2) rekod fotografi dan penerangan tentang tapak; (3) GPS, untuk mengesan kordinat longitude and latitude. Dalam satu kajian yang pernah dijalankan di Kepulauan Barrier (Masenboro Island) pada tahun 1992 mendapati lokasi tapak impak merupakan satu faktor utama dalam memahami keupayaan pulau untuk menangani (secara semulajadi) kesan-kesan yang berkaitan dengan kegiatan rekreasi. Manakala kajian oleh Parsons & De Benedetti (1979), Thirud & Frisell (1976) kesan-kesan rekreasi tidak akan pulih sepenuhnya dalam tempoh kurang 8 tahun manakala sesetengah kawasan akan terus menderita kesannya selepas 15 tahun. Di Mediteranean, impak-impak negatif termasuk kemusnahan kawasan hutan, perubahan kepada Pantai, pencemaran tepi laut dan juga kemusnahan karangan laut (Priestly dan lain-lain, 1996; William dan Shaw, 1991). Seperti yang dinyatakan diatas, tumpuan infrastruktur besar dan resort di sepanjang kawasan Pantai banyak memusnahkan kawasan payar bakau dan Pantai dan menyebabkan pencemaran kepada kawasan-kawasan tersebut.

Pencemaran yang berlaku kerap kali akan membawa kesan langsung kepada sektor pelancongan itu sendiri. Kejatuhan bilangan pengunjung ke Tasik Kenyir, misalnya, dikatakan berlaku akibat kemusnahan alam yang berlaku yang menolak pengunjung untuk mencari destinasi yang lebih menarik (Rosli Zakaria, 2003). Kekurangan kedatangan pelancong ke sesebuah destinasi turut menjejaskan industry tersebut dan memberi kesan yang mendadak kepada kehidupan masyarakat yang selama ini ibergnatumg hidup ke atasnya. Pada tahun 1999, Kenyir menerima 114, 782 orang pelawat, namun pada setengah tahun pertama 2003, bilangan yang berkunjung ke tasik ini hanyalah 14,919 sahaja! Ramai yang mengaitkan kejatuhan angka ini dengan perubahan pucuk pimpinan Negeri yang beralih kuasa, namun punca yang lebih ketara mungkin hasil dari kemusnahan alam

yang berlaku akibat kegiatan pembalakan yang berjalan berhampiran tasik yang memberi kesan terhadap sungai utamanya iaitu Sungai Terengganu Mati—yang merupakan suatu kawasan popular dalam kalangan pemancing (Foto 3). Kegiatan pembalakan yang berlaku bukan sahaja mengeruhkan air sungai tetapi juga mencacatkan permandangan di sepanjang sungai tersebut.

Foto 3 Kenyir turut menjadi menerima kesan pembangunan pelancongan



Sumber: <http://debrisson.free.fr/images/malaysia/>

Kekurangan kemudahan untuk berlabuh serta mendapan yang terhasil dari aktiviti-aktiviti pelancongan di kawasan-kawasan cetek di Pulau Redang dikatakan mengganggu karangan laut di sekitar pulau tersebut. Menurut Timbalan Pengarah Taman Lautnya, pelancong-pelancong yang naik ke darat dari bot-bot dikatakan menyebabkan berlakunya mendapan tersebut (Suthakar, 2006). Sementara itu, Phuket (Foto 4), sebuah pulau Pelancongan yang popular di Thailand, turut mengalami evolusi dan telah beralih dari sebuah kawasan pantai yang dikunjungi oleh golongan *backpackers* kepada golongan pelancongan massa yang

menginginkan resort bertaraf 4 dan 5 bintang. Tinjauan ke pusat bandar Phuket mendapati hampir setiap inci pantainya dipenuhi dengan resort-resort dari pelbagai kelas, disko dan bar serta kedai-kedai menjual cenderahati dan lain-lain perkhidmatan. Kebanjiran pelancong-pelancong asing dapat dikesan dengan jelas dengan terdapat banyaknya papan-papan tanda dalam pelbagai bahasa, khususnya Bahasa Inggeris, Jepun dan Arab. Terdapat banyak kedai-kedai yang menyediakan sarapan Barat seperti McDonald, KFC, Burger Kings dan lain-lain lagi.




Foto 4 Pantai Phuket, Thailand

Sektor Pelancongan di Phuket tidak dapat lari dari pengaruh musim. Oktober merupakan musim kemuncak apabila pelancong-pelancong Barat yang lari dari kesejukan Musim Sejuk di negara-negara masing-masing tiba di sini untuk berjemur panas. Waktu ini juga kadar penginapan dan harga makanan dan pakej lawatan berada pada paras tertinggi. Kepadatan yang berlaku di Pantai Patong turut menular ke Pantai-pantai yang berjiran seperti Pantai Kata dan juga Pantai Karong.

Pandangan yang menyatakan bahawa lebih besar lebih baik dan lebih ramai lebih meriah mungkin tidak sesuai dengan arus perkembangan semasa Pelancongan. Tan Siok Choo, seorang fellow di ISIS, dan juga kolumnis the Star (31 Ogos 2003) mengkritik keputusan untuk membina sebuah lapangan terbang yang lebih besar di Pulau Tioman. Cadangan lapangan terbang antarabangsa ini akan mampu menerima pendaratan Boieng 737 diramalkan menelan belanja

sebanyak RM500 juta. Lapangan terbang ini dijangka mampu membawa masuk dua kali ganda bilangan pelawat yang melawat pulau yang berada pada angka 200,000 pada masa kini. Namun demikian, yang menjadi persoalan ini ialah: Adakah Tioman mampu menerima 400,000 pelawat setahun. Ataupun wajarkah pulau ini menerima pelawat seramai itu? Sehubungan ini, Tan menambah, sumber-sumber alam di pulau sekecil Tioman seharusnya tidak dipergunakan sewenang-wenangnya. Sekiranya, pulau ini menjadi sesak, apakah ini akan menarik kepada pelawat?

Selain kes di atas, undang-undang mensyaratkan bahawa sebarang Pembangunan Pelancongan ataupun kemudahan rekreasi di kawasan perairan yang telah digazetkan sebagai taman marin Kebangsaan harus mendapatkan satu Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA). Malangnya dalam kes pembinaan 12 calet mewah di Pulau Payar yang dilaporkan menelan belanja sebanyak RM5 juta oleh Kerajaan Negeri Kedah, kajian EIA hanya diarahkan selepas projek ini gagal dan dikritik hebat oleh masyarakat dan media (Alina, 2003; Salleh Buang, 2003).


Demi menyediakan satu kemudahan untuk pelancong-pelancong dan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong, khususnya dari Timur Tengah, Kerajaan Negeri Kedah akan membuka 12 calet mewah di Pulau Payar (Foto 5). Menteri Besarnya menegaskan bahawa projek ini tidak akan menjejaskan alam sekitar pulau ini. Tiada pencemaran manakala flora dan faunanya akan terus terpelihara (Alina, 2003). Mempertahankan langkah kerajaan tersebut, Menteri Besar Kedah menegaskan bahawa projek ini akan menjana pendapatan ekonomi kepada Negeri selain dari memelihara alam sekitar. Hal ini memandangkan selama ini Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa faedah ekonomi dari pulau ini kerana ia selama ini ditadbir oleh agensi pusat iaitu Jabatan Perikanan.

1.8 PELANCONGAN DAN KESAN-KESAN SOSIALNYA

Antara kesan-kesan sosial yang sering dikaitkan dengan pembangunan pelancongan adalah perubahan cara hidup masyarakat setempat. Figuerola (dipetik dari Pearce 1989: 218) mengenalpasti enam kategori utama kesan-kesan sosial dan budaya iaitu: kesan ke atas struktur penduduk, perubahan dalam bentuk dan jenis pekerjaan, perubahan nilai, pengaruh terhadap carahidup tradisional,

perubahan kepada corak perbelanjaan, dan juga faedah kepada pelancong. Pizam dan Milman (1984) juga mengenalpasti 6 jenis klasifikasi ataupun kategori kesan-kesan sosial iaitu demokrafik, pekerjaan, budaya, norma, dan juga corak perbelanjaan, dan seterusnya kesan terhadap alam sekitar.

Foto 5 Pulau Payar, Langkawi



Sumber: <http://www.oikotie.fi/static/travel/images/>

Di Thailand, kesan sosial hasil dari pembangunan pelancongan dilihat dari sudut peluasan bandar dan kawasan perniagaan, kemudahan perkhidmatan, guna tenaga dan bidang pekerjaan. Perkembangan perniagaan akibat dari kuasa beli pelancong yang lebih tinggi telah meningkatkan kos kehidupan penduduk setempat. Sementara itu, pendapatan ataupun faedah dari Pelancongan tidak tersebar secara seimbang dan banyak berlaku pengaliran wang kepada orang-orang luar (Rojanasoonthon, 1982). Thailand menerima pelbagai kesan budaya dari Pembangunan Pelancongan seperti masalah dadah, kegiatan tidak bermoral, pelacuran, Jenayah dan sebagainya. Kedatangan pelbagai jenis pelancong, khususnya sewaktu festival, menimbulkan pelbagai masalah, baik kepada penduduk setempat bahkan juga kepada kalangan pelancong sendiri (Rojanasoonthon, 1982).



Foto 6 Penaiktarafan Angkor Wat menjadi tapak warisan dunia membantu memelihara tapak ini.




Foto 7 Kehadiran pelancong di Thailand, seperti di Pattaya dikatakan menarik ramai pelancong asing

Sementara itu, Travis (1984) mencadangkan beberapa faedah yang boleh dibawa oleh Pelancongan seperti pemodenan terhadap pembangunan budaya, pertukaran budaya, imej masyarakat yang semakin baik, kesihatan masyarakat yang semakin meningkat, perubahan kepada kemudahan sosial, pendidikan dan pemuliharaan, pertukaran budaya dan politik. Tinjauan ke tapak warisan dunia di Cambodia, iaitu di Angkor Wat (Foto 6) mendapati bahawa kehadiran pelancong yang ramai ke tapak tersebut telah menjana pertumbuhan pesat infrastruktur pelancongan seperti kemudahan lapangan terbang dan juga hotel.


Tsartas (1989) dan Greenwood (1989) mengenalpasti bahawa Pelancongan membawa kesan terhadap fesyen, hiburan, moral dan kebebasan sex. Pelancongan juga dikatakan membawa kesan yang negatif terhadap kehidupan seharian penduduk-penduduk setempat (Tsartas, 1989). Di Pattaya (Thailand), misalnya, kehadiran ramai pelancong asing dikatakan menyebabkan munculnya beribu-ribu buah pub dan bar yang menawarkan gadis-gadis penghibur (Foto 7). Di Jepun, peningkatan populariti sesebuah kawasan pelancongan akan menyebabkan harga tanah di sekitarnya naik mendadak akibat pembinaan resort dan kawasan letak kereta. Kawasan ini juga akan menjadi penuh sesak dengan pengunjung dan juga kenderaan. Fenomena ini turut dikesan berlaku di sepanjang jajaran pantai antara Kuantan dan Cherating di mana harga lot-lot tanah yang mengadap pantai dikatakan melambung tinggi dari RM10,000 seekar kepada RM200,000 seekar dalam jangkamasa 10 tahun!.

2.0 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

2.1 PULAU REDANG

A. Lokasi

Pulau Redang merupakan salah sebuah pulau yang terletak di kawasan perairan Negeri Terengganu dan mempunyai kedudukan pada garisan latitud $5^{\circ} 44 - 5^{\circ} 55$ utara dan longitud $102^{\circ} 59$ timur iaitu kira-kira 45 kilometer (24.28 batu nautika) ke timur laut Bandar Kuala Terengganu atau 22.5 kilometer (12 batu nautika) di sebelah timur pekan Marang (Rajah 3).



RAJAH 3 Peta Negeri Terengganu
Sumber: <http://www.malaysia-maps.com>

Dengan keluasan sebanyak 2484.58 hektar, Pulau Redang yang terletak di Laut China Selatan merupakan pulau terbesar di antara gugusan 9 pulau (Rajah 5). Keluasan pulau ini dianggarkan sepanjang 7.54 kilometer panjang dan 6.12 kilometer lebar. Pulau-pulau kecil yang terdapat di sekitar Pulau Redang termasuklah:

1. Pulau Pinang
2. Pulau Lima
3. Pulau Paku Besar
4. Pulau Paku Kecil
5. Pulau Kerengga Besar
6. Pulau Kerengga Kecil
7. Pulau Ekor Tebu
8. Pulau Ling


Pulau-pulau kecil di dalam gugusan Pulau Redang dikenalpasti mempunyai ciri-ciri fizikal dan keunikan sumber taman laut yang tersendiri. Pulau Redang iaitu pulau terbesar antara kesembilan-sembilan pulau dalam gugusannya, mempunyai pesisiran pantai berpasir yang cantik dan terumbu karang paling menarik (Foto 8).



Foto 8: Pemandangan di sekitar Pulau Redang

Pulau ini menjadi tumpuan pembinaan tempat penginapan pelancong sama ada berbentuk resort, chalet atau tapak perkhemahan. Manakala Pulau Pinang telah diwartakan sebagai Pusat Taman Laut memandangkan pulau ini merupakan lokasi paling banyak mempunyai karang biru di cerun terumbu. Selain itu, Pulau Ling

sering menjadi tumpuan para penyelam seluruh dunia sebagai lokasi menyelam yang terbaik.



RAJAH 4 Gugusan Pulau Redang

Sumber: MACRES, 2005

Pulau Ekor Tebu dan Pulau Kerengga Kecil mempunyai terumbu karang yang menarik di cerun-cerunnya. Pulau Kerengga Besar pula terkenal dengan gua dan batu karang bundar yang besar. Manakala, Pulau Paku Besar menjadi habitat bagi

sarang burung layang-layang. Selain itu, Pulau Lima merupakan lokasi di mana ikan Paus Yu dewasa pernah kelihatan (Rajah 4).

B. Populasi Penduduk

Populasi di Pulau Redang mengalami pertumbuhan yang sederhana iaitu pada kadar purata 2.8% setahun. Pada tahun 1996, penduduk di pulau ini adalah seramai 1200 orang. Pada tahun 2000, penduduk bertambah sebanyak 1453 orang dan bancian pada tahun 2003 mendapati penduduk pulau tersebut telah bertambah kepada 1500 orang iaitu kira-kira 200 keluarga (Jadual 3). Hampir kesemua populasi pulau ini bertumpu di Kampung Hulu Redang, iaitu nadi pertumbuhan utama aktiviti ekonomi dan sosial pulau tersebut. Berdasarkan unjuran dalam "Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Redang" (2003), populasi Pulau Redang pada tahun 2015 akan mencapai sejumlah 3000 orang dengan kepadatan kasar 1.2 orang per hektar (Jadual 3).

Menurut Penghulu Kampung Hulu Redang, 100% penduduk di Pulau Redang terdiri daripada kaum Melayu. Majoriti penduduk adalah 85% yang bekerja sebagai nelayan dengan purata pendapatan antara RM 350 hingga RM 450 sebulan. Selebihnya iaitu sebanyak 15%, terlibat dengan sektor pelancongan dengan purata pendapatan antara RM 500 hingga RM 700 sebulan. Dahulu, pekerjaan sampingan penduduk pulau ini adalah mengutip telur penyu. Namun selepas pengwartaan Taman Laut pada 1991, pajakan telur oleh koperasi telah dipindah milik kepada jabatan perikanan dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Penduduk tidak boleh lagi mengutip telur penyu untuk tujuan komersil mahupun untuk kegunaan sendiri.


Sehubungan itu, pada tahun 1991 Kerajaan Malaysia telahewartakan Pulau Redang sebagai pulau taman laut di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 bagi menjamin dan mengekalkan status tersebut. Sejak pengisytiharan tersebut, Jabatan Perikanan telah menjalankan aktiviti pemuliharaan terumbu karang yang aktif di pulau tersebut.

Jadual 3 Jumlah Penduduk Pulau Redang Tahun 1996-2004

Pulau	Penduduk 1996	Penduduk 2000	Penduduk 2004	Pertambahan 1996-2004	Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (%)
Pulau Redang	1200	1453	1500	300	2.8

Sumber : Kajian Tahap Tampungan dan Garis Panduan Pembangunan Pulau Redang, JPBD (2003) & Balai Polis Pulau Redang (2004)


Di bawah Akta Perikanan 1985, 2 batu nautika dari garisan pantai telah digazetkan sebagai taman laut. Maka dengan ini, semua kegiatan perikanan dalam kawasan tersebut adalah dilarang. Penyu dan kawasan penetasan telur penyu di kawasan taman laut juga adalah termaktub dalam akta yang sama. Pada tahun 2004, pengurusan Taman Laut Pulau Redang diletakkan di bawah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Di bawah pengurusan agensi yang baru, aktiviti pengawalan dan pemuliharaan ekosistem marin dan terumbu karang semakin rancak dijalankan di taman laut tersebut (Foto 11).



A) Kejernihan Air Dan Spesis-Spesis Ikan Di Taman Laut

B) Kepelbagaian Karangan Menjadi Tarikan Pengunjung Pelbagai Warna Dan Saiz

Foto 9 Ekosistem marin yang masih terpelihara di Pulau Redang



RAJAH 5 Topografi Pulau Redang Sumber: MACRES, 2005

Sumber: MACRES 2005

C. Topografi

Topografi Pulau Redang dilitupi oleh kawasan berbukit-bukau yang berketinggian antara 130 hingga 330 meter. Puncak tertinggi di pulau ini ialah Bukit Besar iaitu 359 meter dari aras laut. Dataran tanah pamah di Pulau Redang terletak di kiri dan

kanan Sungai Redang dengan kecerunan kurang 20 darjah dan mencapai ketinggian 6 hingga 15 meter dari paras laut. Kawasan pantai di pulau ini pula terbahagi kepada dua kategori iaitu 80% kawasan pantai bertebing tinggi manakala 20% yang lain merupakan pantai berpasir yang sempit dan terpisah-pisah.

Pesisiran pantai yang bertebing tinggi dan berbatu banyak terdapat di sepanjang pesisiran utara dan barat Pulau Redang. Manakala jajaran pantai berpasir pula lebih tertumpu kepada bahagian timur pulau. Antara kawasan pantai berpasir yang terdapat di Pulau Redang adalah seperti berikut:

1. Teluk Kalong
2. Pasir Panjang
3. Teluk Dalam
4. Kuala Redang
5. Pulau Pinang
6. Teluk Bakau
7. Mak Simpan
8. Pasir Mak Kepit
9. Pasir Chagar Hutan

D. Saliran

Sungai Redang merupakan saliran utama di Pulau Redang. Sungai ini mengalir ke selatan pulau melalui kawasan tanah pamah ke arah Kuala Redang. Terdapat pokok-pokok bakau di sepanjang tebing kanan dan kiri sungai tersebut. Lain-lain alur atau anak sungai yang terdapat di pulau ini adalah kecil, pendek dan sering cetek kerana kekurangan aliran air. Anak sungai yang mengalir di Teluk Kalong Besar, Mak Simpan dan Pasir Mak Kepit menjadi sumber air kepada pulau kerana pengalirannya adalah berterusan sepanjang tahun. Sungai dan punca air bawah tanah merupakan sumber yang utama di Pulau Redang.

E. Iklim Dan Cuaca

Pulau Redang dipengaruhi oleh iklim tropika dengan suhu antara 22^oC hingga 33^oC. Namun pada masa yang sama pulau ini akan mengalami musim tengkujuh antara bulan November hingga Mac setiap tahun.

F. Pewartaan Taman Laut

Pulau Redang mewarisi sumber alam semulajadi yang cantik dan himpunan khazanah laut yang unik seperti terumbu karang, spesis ikan serta penyu. Aset-aset ini telah menarik tumpuan pelancong antarabangsa serta tempatan serta menjadikan pulau ini sebagai destinasi pelancongan berpotensi.

Sehubungan itu, pada tahun 1991 Kerajaan Malaysia telahewartakan Pulau Redang sebagai pulau taman laut di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 bagi menjamin dan mengekalkan status tersebut. Sejak pengisytiharan tersebut, Jabatan Perikanan telah menjalankan aktiviti pemuliharaan terumbu karang yang aktif di pulau tersebut. Di bawah Akta Perikanan 1985, 2 batu nautika dari garisan pantai telah digazetkan sebagai taman laut. Maka dengan ini, semua kegiatan perikanan dalam kawasan tersebut adalah dilarang. Penyu dan kawasan penetasan telur penyu di kawasan taman laut juga adalah termaktub dalam akta yang sama. Pada tahun 2004, pengurusan Taman Laut Pulau Redang diletakkan di bawah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Di bawah pengurusan agensi yang baru, aktiviti pengawalan dan pemuliharaan ekosistem marin dan terumbu karang semakin rancak dijalankan di taman laut tersebut.

2.2 PULAU TIOMAN

A. Lokasi

Pulau Tioman merupakan pulau terbesar daripada 64 buah pulau yang terdapat di Laut China Selatan iaitu sebuah pulau di kawasan perairan Negeri Pahang. Pulau yang terletak dalam pentadbiran daerah Rompin ini mempunyai kedudukan lebih kurang 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin, Pahang (Rajah 6). Pulau

Tioman adalah pulau terbesar di antara gugusan 22 buah pulau di sekelilingnya yang mempunyai keluasan sebanyak 13,529.42 hektar atau 135 km² (Rajah 6). Anggaran keluasan pulau ini adalah di sepanjang 39 kilometer panjang dan 12 kilometer lebar.



RAJAH 6 Peta Negeri Pahang Sumber: <http://www.malaysia-maps.com>

Sebanyak 21 buah gugusan pulau-pulau kecil yang terdapat di Pulau Tioman antaranya, Pulau Tioman, Pulau Tulai, Pulau Chebeh, Pulau Sepoi, Pulau Labas, Pulau Soyak, Pulau Rengis, Pulau Tumok dan lain-lain lagi (Rajah 7).



RAJAH 7 Gugusan Pulau Tioman Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman, 2004

B. Populasi Pulau Tioman

Populasi di Pulau Tioman telah meningkat dari 1348 orang pada tahun 1991 kepada 3201 orang pada tahun 2004 dengan mencatatkan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 9.8% (Jadual 4). Kampung Air Batang dan Kampung Tekek merupakan kampung yang mencatatkan jumlah penduduk paling ramai iaitu 1309 orang pada tahun 2004. Manakala Kampung Mukut, Kampung Lanting dan Kampung Nipah merupakan kawasan paling sedikit didiami penduduk iaitu 200 orang pada 2004. Menurut pengurus Lembaga Pembangunan Tioman, Encik Wahialkian, hampir 99% penduduk di Pulau Tioman adalah kaum Melayu, manakala 1% daripada kumpulan etnik Cina dan lain-lain. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000, pula menunjukkan bahawa kepadatan kasar penduduk Pulau Tioman pada 2000 ialah 0.23 orang sehektar atau 22.7 orang per kilometer persegi. Kampung Tekek merupakan kawasan yang mempunyai penduduk yang paling ramai. Penumpuan penduduk di Kampung Tekek adalah disebabkan fungsi Kampung Tekek sendiri

sebagai nadi pertumbuhan aktiviti ekonomi dan sosial serta perhubungan antara Pulau Tioman dan tanah besar Semenanjung. Rumah mereka dibina di tepi-tepi pantai kerana hanya bahagian pantai sahaja merupakan kawasan datar dan menghadap ke laut. Penduduk di Pulau Tioman jarang ke tanah daratan. Ini mungkin kerana tambang ke sana agak mahal dan tidak mampu untuk penduduk tempatan ke Mersing dengan lebih kerap. Namun begitu, tambang untuk penduduk tempatan sebenarnya lebih murah dari yang dijangkakan. Sikap penduduk Pulau Tioman yang sangat peramah dan mesra merupakan aset yang dapat memikat pelancong tempatan mahupun antarabangsa untuk bercuti di Pulau Tioman. Bahasa yang digunakan oleh penduduk Tioman ialah bahasa Melayu pulau. Hampir keseluruhan dari mereka cenderung bertutur dalam dialek Kelantan berbanding bahasa Inggeris. Namun begitu, ramai juga yang telah menguasai bahasa Inggeris kerana bahasa ini amat diperlukan oleh para pelancong asing. Menu makanan dan minuman di restoran-restoran di Pulau Tioman juga dicetak dalam Bahasa Inggeris. Terdapat banyak restoran atau gerai di Pulau Tioman dan kebanyakannya dibuka pada sebelah petang dan malam. Budaya anak-anak tempatan sedikit sebanyak turut berubah seiring dengan ikutan budaya yang datang dari pelancong asing. Terdapat juga penduduk tempatan yang berkahwin dengan pelancong asing sekaligus mengikut pasangan masing-masing berhijrah ke luar negara..

Jadual 4 : Bilangan Rumah di Pulau Tioman pada Tahun 1991 dan 2004

Petempatan	1991	2004	Pertambahan
Salang	78	256	178
Air Batang / Tekek	788	2097	1309
Paya/ Genting	197	373	176
Mukut / Lanting / Nipah	48	200	152
Juara	237	275	38
Jumlah	1348	3201	1853

Sumber : Lembaga Pembangunan Tioman, 2004 dan Pejabat Penghulu, 1991.

C. Topografi

Pulau Tioman yang terletak di Pelantar Sunda mempunyai topografi dan bentuk muka bumi yang bertanah tinggi, berbukit, tebing berbatu dan pantai berpasir. 80% daripada keseluruhan pulau ini terdiri daripada kawasan berbukit yang berkecerunan lebih dari 20^o serta dilitupi oleh banjaran yang memanjang dari bahagian utara ke selatan. Manakala kawasan tanah pamah hanya terhad di sekitar pesisiran pantai. Puncak tertinggi di pulau ini adalah Gunung Kajang iaitu dengan ketinggian 1047 meter dari aras laut. Manakala Bukit Nenek Si Mukut menjadi mercu tanda bagi Pulau Tioman kerana keunikan bentuknya seperti "Twin Peaks" (Foto 10). Daripada keseluruhan kawasan pulau ini, didapati hanya 27% kawasan terletak pada paras ketinggian bawah 100 meter dari aras laut, 59% terletak pada aras ketinggian di antara 100 meter – 300 meter dan hampir 14% mempunyai ketinggian melebihi 600 meter dari aras laut.



Foto 10 Bukit Nenek Si Mukut Membentuk *Twin Peaks*

Pulau Tioman mempunyai rangkaian pantai sepanjang 69 kilometer. Daripada jumlah ini, 42% atau 29 kilometer, adalah pantai berpasir dan bakinya 58% atau 40 kilometer adalah tebing batu yang curam iaitu lebih tertumpu kepada bahagian timur pulau. Antara kawasan pantai berpasir yang utama di Pulau Tioman adalah seperti berikut:

1. Kampung Tekek
2. Kampung Salang
3. Kampung Air Batang
4. Kampung Lalang
5. Kampung Paya
6. Kampung Genting
7. Kampung Juara
8. Kampung Mukut

2.3 KESAN-KESAN FIZIKAL PELANCONGAN KE ATAS PULAU TIOMAN

Pulau Tioman, khususnya Kampung Tekek kini berhadapan dengan masalah kekurangan pelancong di sebalik pelbagai projek baru yang ingin diperkenalkan di pulau tersebut. Antara langkah baru yang diambil kerajaan adalah untuk menjadikan pulau ini sebagai pulau bebas cukai seperti mana Langkawi. Selain itu, terdapat sebuah projek marina yang besar di Kampung Tekek yang dibantah keras oleh penduduk-penduduk tempatan. Sebelum projek ini dilaksanakan, projek tebatan hakisan (Foto 11) bagi menahan hakisan yang dilaksanakan di Kampung Tekek dikatakan menjadi salah satu punca pelancong-pelancong *backpackers* yang suatu ketika pernah membanjiri kampung ini telah beralih ke kampung-kampung lain (Foto 12).




Foto 11 Projek penghadang hakisan ini dikatakan menghilangkan daya tarikan Kampung Tekek




Foto 12 Kampung Tekek kini tidak lagi digemari pelancong backpackers

D. Saliran

Pulau Tioman mempunyai aliran sungai yang pendek dan sementara terutamanya di bahagian utara pulau. Manakala, kebanyakan aliran sungai di bahagian-bahagian lain pulau adalah bercabang. Aliran sungai di Pulau Tioman hanya akan bertambah laju pada musim hujan dan tengkujuh. Terdapat sebanyak 16 sungai di pulau ini seperti Sungai Salang, Sungai Tarah, Sungai Air Batang dan Sungai Dungun.

E. Pewartaan Taman Laut

Mewarisi kepelbagaian sumber alam semulajadi yang cantik dan unik telah menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi tumpuan pelancong. Justeru, bagi memelihara tarikan-tarikan sedia ada seperti terumbu karang, flora, spesis ikan serta penyu, maka pulau ini telah diwartakan sebagai Pulau Taman Laut di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 (Jadual Pertama), Akta Perikanan 1985. Selaras dengan statusnya sebagai Taman Laut, Pulau Tioman telah dizonkan sebagai santuari terumbu karang dan hidupan laut (semua 'maritime waters') yang perlu dilindungi dalam lingkungan dua batu nautika. Hanya aktiviti-aktiviti pelancongan lazim seperti berenang, berkelah dan berkhemah dibenarkan. Aktiviti-aktiviti seperti berikut adalah dilarang untuk dijalankan melainkan dengan kebenaran pihak-pihak berkuasa.

1. Memusnah, mengalih atau mengambil mana-mana batu karang dan lain-lain hidupan laut
2. Merosakkan harta awam di kawasan taman laut
3. Melabuhkan sauh bot di atas kawasan batu karang
4. Membawa dan menggunakan senjata yang boleh membahayakan atau menangkap hidupan laut
5. Menangkap ikan di dalam kawasan taman laut
6. Membuang bahan pencemar dan sampah sarap


7. Membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan di dalam kawasan taman laut
8. Ski air, perlumbaan bot laju dan jet ski



Foto 13: Terumbu Karang dan kawasan sekitar Pulau Tioman

Daripada keseluruhan 22 buah pulau dalam gugusan Pulau Tioman, hanya 9 buah pulau sahaja yang telah diwartakan sebagai Pulau Taman Laut (Foto 13 & Rajah 8) iaitu:


1. Pulau Tioman
2. Pulau Tulai
3. Pulau Chebeh
4. Pulau Sepoi
5. Pulau Labas
6. Pulau Sembilang
7. Pulau Seri Buat
8. Pulau Tokong Bahara
9. Pulau Gu



RAJAH 8 Kawasan Taman Laut Tioman Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman, 2004

F. Pelan Induk Pembangunan Pulau Tioman

Pulau Tioman adalah di bawah pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman. Lembaga ini yang telah ditubuhkan pada 19 November 1997 mendukung matlamat 'Untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan persekitaran yang berkualiti tinggi'. Bagi memastikan pulau ini mencapai matlamat yang digariskan, maka sebuah pelan induk pembangunan Pulau Tioman telah digubal (Rajah 9). Pelan induk ini berfungsi sebagai garis panduan perancangan dan kawalan pembangunan Pulau Tioman pada masa hadapan.



RAJAH 9 Pelan Induk Pembangunan Pulau Tioman
 Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman, 2004

Konsep pembangunan yang diterapkan dalam pembangunan Pulau Tioman adalah berlandaskan kepada eko-pelancongan. Ciri-ciri eko-pelancongan akan diterapkan melalui perimbangan pembangunan selaras dengan penjagaan ekologi tempatan secara bersepadu. Selain itu, proses pembangunan juga akan melalui proses pemulihan dan pengkalan imej. Di samping itu, terdapat beberapa strategi telah dirangka selaras dengan konsep yang diketengahkan iaitu:

1. Melaksanakan pengurusan alam sekitar yang mampan
2. Menstruktur semula penempatan-penempatan utama dan meningkatkan penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial


3. Membangunkan asas ekonomi yang kukuh
 4. Menggiatkan penyertaan penduduk tempatan dalam pembangunan Pulau Tioman
 5. Meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan Pulau Tioman
- G. Pemilikan Tanah

Pemilikan tanah di Pulau Tioman terbahagi kepada 2 kategori iaitu tanah milik dan tanah kerajaan (Jadual 5). 9.1% daripada keseluruhan tanah pulau ini merupakan tanah persendirian dan awam, manakala baki 12144 hektar atau 90.9% adalah tanah kerajaan yang meliputi tanah rezab hidupan liar, tanah di peringkat permohonan dan tanah kosong kerajaan (Rajah 10). Daripada jumlah ini, masih terdapat 793 hektar tanah milik yang boleh dibangunkan pada masa hadapan.

Jadual 5: Maklumat Pemilikan Tanah Di Pulau Tioman

Pemilikan tanah		Keluasan (hektar)
Tanah Milik	Telah dibangunkan	
	- Milik persendirian	372
	- Milik jabatan/agensi kerajaan	51
	Belum dibangunkan / terbiar	793
	Jumlah kecil	1216
Tanah Kerajaan	- Rezab hidupan liar	8296
	- Di peringkat permohonan	281
	- Tanah kosong kerajaan	3567
	Jumlah kecil	12144
Keluasan keseluruhan		13360

Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman, 2004



RAJAH 10 Pelan Rezab Hidupan Liar di Pulau Tioman


Sumber: Lembaga Pembangunan Tioman, 2004

2.4 PULAU LANGKAWI

A. Lokasi

Pulau Langkawi - Pulau Lagenda, terletak di pantai barat Negeri Kedah Darul Aman, adalah tarikan popular di kalangan para pelancong luar dan dalam negeri. Negeri Jelapang Padi ini diliputi dengan hamparan tanah bendang yang diliputi tanaman padi bak 'saujana mata memandang' selain terkenal dengan sejarahnya turut menjadi satu tempat yang menarik dilawati di samping pantainya yang cantik dan menawan sekali. Pulau Langkawi merupakan satu resort destinasi yang terkenal di seluruh dunia dengan tawaran istimewa membeli-belah di zon bebas cukai. Pulau Langkawi terdiri daripada kumpulan 99 buah pulau tropika yang terletak di luar pantai barat laut

Semenanjung Malaysia dan jaraknya sejauh 30km dari Kuala Perlis dan 51km dari Kuala Kedah (Rajah 11).



RAJAH 11 Peta Pulau Langkawi | Sumber : <http://malaysia-maps.com>

Oleh kerana kedudukan Negeri Kedah yang berjiran dengan Negara Thailand, maka kebanyakan nilai-nilai dalam tradisinya dipengaruhi dari negara itu. Penunjuk Negeri Kedah pula mempunyai ciri-ciri yang serupa daripada keturunan Siam dan Aceh di Indonesia. Mengikut rekod-rekod sejarah, Negeri Kedah Darul Aman ini pernah menjadi sebutan oleh pengarang-pengarang China dan India pada seawal tamadun.

B. Populasi

Jumlah penduduk di Negeri Kedah ialah 2.67 juta (mengikut pengiraan yang berakhir pada pertengahan tahun 1999), dan dijangka meningkat kepada 2.73 juta pada 2000.


Ekonomi negeri ini adalah berasaskan pertanian, dan mengeluarkan separuh daripada keperluan beras Malaysia. Selain itu, Negeri Kedah juga turut menghasilkan jenis tanaman seperti tebu, buah-buahan dan getah. Langkawi adalah sebuah nama yang kaya dengan misteri, mitos dan legenda. Antara kisah legenda yang berkaitan dengan nama tempat di Langkawi termasuklah Gergasi Bertarung, Pulau Dayang Bunting, Mahsuri, Puteri Dayang Sari, Telani dan Telanai, Geroda dan Jentayu serta Telaga Tujuh.

C. Tempat-tempat Menarik di Pulau Langkawi


Pulau Langkawi kaya dengan sejarah dan keindahan semulajadi yang mampu menjadi tarikan pelancongan ke pulau tersebut. Antaranya ialah Dataran Lang, Gunung Mat Chincang, kereta kabel, dan Jeti Kuah (Foto 15).




a. Dataran Helang



b. Gunung Mat Chincang



c. Kereta Kabel



d. Jeti Kuah

Foto 14: Tempat-tempat yang menarik di Pulau Langkawi

Sumber : www.langkawi-beaches.com/dataran-lang.html


2.4.1 PULAU PAYAR

Gugusan Pulau-Pulau Payar terdiri daripada 4 buah pulau yang tidak dihuni merangkumi Pulau Payar (2km x 250 km), Lembu, Kaca dan Segantang. Pulau-pulau ini terkenal dengan hidupan lautnya yang berwarna-warni dan merupakan salah sebuah tapak menyelam dan snorkeling yang terbaik di sebelah barat Semenanjung. Pulau Payar terletak kira-kira 15 batu nautika dari Langkawi dan 32 batu nautika dari Pulau Pinang. Pulau ini ditadbir oleh Jabatan Perikanan yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti tandas, kawasan berkelah, gazebo dan sebagainya. Pada tahun 1990, bilangan pelawat ke pulau ini adalah kira-kira 4000 sahaja. Namun, pada tahun 1998, sepuluh tahun selepas ia diistiharkan sebagai sebuah taman laut, bilangan pelawatnya mencecah 90,000 orang!

2.5 PULAU PANGKOR

A. Lokasi

Pulau Pangkor dari segi geografinya yang mempunyai keluasan 4.8 kilometer lebar dan 9.6 kilometer panjang (Mohd. Radzi, 2000), terletak 90km dari Bandaraya Ipoh, Perak. Pulau Pangkor merupakan salah satu zon pelancongan terpenting yang terdapat dalam zon pelancongan daerah Manjung di samping zon yang merangkumi Pulau Sembilan dan zon yang merangkumi sepanjang kawasan pesisiran pantai daerah (Rajah 12).



RAJAH 12 Peta Pulau Pangkor
Sumber : <http://www.malaysia-maps.com>

Terdapat 5 tarikan utama pelancong ke Pulau Pangkor yang melibatkan kawasan pesisir pantai, pulau-pulau peranginan, tempat-tempat bersejarah, kawasan hutan lipur dan aktiviti kebudayaan. Anugerah alam yang unik dan menarik ini amat sesuai untuk

menjadikan Pulau Pangkor sebagai sebuah destinasi tarikan kepada pencipta alam sekitar (Foto 16).



Foto 15: Pemandangan di Pulau Pangkor


Dari segi sejarah juga telah menunjukkan bahawa sejak berabad lamanya, Pulau Pangkor telah menjadi tempat persinggahan pengembara-pengembara, lanun-lanun dan juga kumpulan-kumpulan yang belayar dari satu tempat ke satu tempat lain, seterusnya pernah menjadi sebuah kawasan jajahan Barat. Namun, Pulau Pangkor hari ini merupakan satu destinasi pelancongan yang istimewa dan keindahannya membuatkan pelancong-pelancong akan merasa tenang dan tidak akan membayangkan Pulau Pangkor pernah dijajah suatu ketika dahulu.

B. Tempat-tempat menarik di Pulau Pangkor


Pulau Pangkor mempunyai tempat-tempat yang menarik untuk dilawati oleh pelancong tempatan mahupun luar negara. Ia meliputi keindahan semulajadi dan pelbagai jenis tarikan yang mampu menjadikan percutian lebih bermakna (Foto 17).




Teluk Ketapang




Jeti Lumut




Teluk Dalam



Pekan Lumut



Teluk Nipah



Pantai Pasir Bogak

Foto 16: Tempat-tempat yang menarik di Pulau Pangkor

Sumber : <http://www.myoutdoor.com>

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Pengutipan data primer bagi kajian ini melibatkan kaji selidik dan temubual dengan penduduk tempatan di empat buah pulau ini (Pulau Langkawi, Pulau Redang, Pulau Pangkor, dan Pulau Tioman) telah mula dilaksanakan pada November 2004 hingga Mei 2005. Kaji selidik lapangan yang dijalankan bertujuan mendapatkan profil demografi penduduk pulau selain mendapatkan pandangan dan persepsi mereka terhadap perubahan yang dialami kesan daripada pembangunan sedia ada di pulau-pulau tersebut.

3.2 REKABENTUK BORANG SOAL SELIDIK

Penyediaan borang soal selidik ini melibatkan dua peringkat *Pilot Survey*. Seterusnya, penghasilan borang soal selidik ini terdiri daripada 5 bahagian utama iaitu; (1) Pandangan responden terhadap aktiviti dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian, (2) Pandangan responden terhadap kesan alam sekitar akibat pembangunan, (3) Pandangan responden terhadap kesan sosial akibat pembangunan, (4) Kecenderungan responden bertemu pelancong dan tahap pembangunan di kawasan kajian, dan (5) Latarbelakang responden.

Bahagian (1), merupakan bahagian utama yang membantu penyelidikan ini dibuat dengan lebih efisien. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pandangan responden terhadap aktiviti dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian. Sebanyak 17 soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini yang menggunakan Skala Likert sebagai alat penilaian dari skala 0 dengan pernyataan tidak tahu hingga skala 5 dengan pernyataan sangat setuju. Ia bukan sahaja memudahkan responden, malahan untuk membolehkan responden memberi penilaian tentang tahap penerimaan, persepsi dan pandangan responden berdasarkan pengalaman yang diperolehi. Penyataan-

penyataan yang diutarakan berkenaan kawasan hijau, hiduapan dan karangan laut, kemusnahan alam dan habitat hidupan liar, perubahan budaya, pekerjaan dan masalah pelacuran, serta kenaikan harga tanah dan penerokaan tanah rizab.

Begitu juga bahagian (2) dan (3), yang mana bahagian ini bertujuan meninjau pandangan responden terhadap aktiviti dan pembangunan pelancongan serta implikasinya terhadap alam sekitar dan sosial di kawasan kajian. Bahagian (2) iaitu bahagian kesan alam sekitar, terdiri daripada 15 soalan dan bahagian (3) iaitu bahagian kesan sosial (akibat aktiviti dan pembangunan pelancongan) yang terdiri daripada 21 soalan. Pernyataan-pernyataan yang diutarakan antaranya berkenaan pencemaran tanah, air, udara, bising, kerosakan pantai, tempat bersejarah, sumber-sumber tempatan, masalah moral dan keruntuhan akhlak, dan kenaikan harga barangan.

Bahagian (4) pula merupakan bahagian untuk mendapatkan kecenderungan pandangan responden bertemu pelancong asing, kedatangan pelancong dan tahap pembangunan pelancongan di kawasan kajian. Pandangan responden juga menggunakan Skala Likert. Dengan menggunakan Skala Likert ini, kekerapan responden bertemu pelancong dengan turutan kekerapan (sangat kerap, selalu, kadang kala, jarang-jarang dan tidak pernah). Bahagian ini bertujuan meninjau tahap kekerapan responden bertemu dengan pelancong asing bagi membantu mendapatkan pandangan responden yang mempunyai pengalaman dengan pelancong asing secara langsung. Manakala untuk mengetahui perasaan responden yang bertemu pelancong secara langsung, soalan-soalan dalam bahagian ini juga menggunakan Skala Likert (amat gembira, biasa, tertekan, dan benci). Bahagian ini juga meninjau pandangan responden terhadap kedatangan pelancong dengan turutan pandangan berasaskan Skala Likert (Ditambah banyak, ditambah, dikekalkan, dikurangkan sedikit dan dikurangkan banyak). Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan penduduk setempat dari segi kepadatan di pulau ini akibat kedatangan pelancong. Selain itu juga, pandangan responden terhadap tahap pembangunan di kawasan kajian juga ditentukan dengan turutan pandangan berasaskan Skala Likert (ditingkatkan banyak, ditingkatkan, dikekalkan, dikurangkan sedikit dan dikurangkan). Ini adalah untuk meninjau tahap pembangunan yang diperlukan oleh responden berdasarkan pengalaman responden di kawasan kajian.

Akhirnya bahagian (5) iaitu bahagian latar belakang dan yang meliputi demografi responden. Bahagian ini bertujuan untuk meninjau ciri-ciri demografi responden yang merangkumi umur, jantina, kumpulan etnik, pekerjaan, hubungan pekerjaan dengan sektor pelancongan, latarbelakang pendidikan, asal dan tempoh menetap di kawasan kajian. Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam bahagian ini adalah berbentuk soalan tertutup (closed-ended).

3.3 KAEDAH KAJI SELIDIK

Borang-borang soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada penduduk tempatan dengan bantuan beberapa orang pembantu terdiri daripada penduduk tempatan di Pulau tersebut. Pembantu-pembantu diarahkan mengedarkan borang-borang soal selidik kepada setiap rumah penduduk kampung dan akan mengutip kembali borang-borang yang telah siap diisi kepada pasukan penyidik pada keesokan harinya. Kaedah ini didapati amat berkesan kerana penduduk didapati lebih respon yang baik kerana mereka mengenali pembanci.

Jadual 6: Agihan Borang Soal Selidik di kawasan kajian

Lokasi	Jumlah diedarkan	Tarikh Kajian	Jumlah dikembalikan	Peratus (%)
Langkawi	100	November 2004	100	22.22
Redang	100	Februari 2005	88	19.56
Pangkor	100	April 2005	93	20.67
Tioman	150	Mei 2005	77	17.11
Jumlah	450		358	79.56

3.4 SAMPEL DAN KADAR MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK

Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan, sejumlah 100 borang diagihkan di setiap Pulau Langkawi, Pulau Redang dan Pulau Pangkor, manakala sebanyak 150 borang pula di Pulau Tioman yang menjadikan jumlah keseluruhan borang yang diedarkan sebanyak 450 borang (Jadual 6). Namun, hanya sebanyak 358 borang yang dikembalikan dan boleh digunapakai bagi mewakili sampel kajian (N=358) di

kawasan kajian untuk meneliti pandangan penduduk setempat terhadap kesan-kesan pembangunan pelancongan dan kedatangan pelancong terhadap aspek-aspek sosial dan alam sekitar.

3.5 METODOLOGI ANALISIS

Metodologi analisis data terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama merupakan peringkat 'pembersihan' data manakala peringkat kedua ialah peringkat analisis data secara statistik. Terlebih dahulu data-data yang diperolehi dikodkan sebelum dimasukkan ke dalam komputer dengan menggunakan perisian SPSS 11.0. Setelah data dibersihkan, analisis secara deskriptif dilaksanakan. Analisis deskriptif ini melaporkan penemuan yang diperolehi daripada soal-selidik. Langkah seterusnya ialah menggunakan kaedah *crosstabulation*, analisis faktor dan korelasi.

3.6 LIMITASI PENYELIDIKAN

Kajian ini dihadkan hanya kepada empat buah pulau terpilih dan terhad kepada kesan-kesan sosial dan fizikal sahaja.

4.0 HASIL PENEMUAN

Saiz sampel bagi kaji selidik sosio-ekonomi ini adalah sebanyak 450 orang. Kadar maklum balas yang diterima adalah 79.56% (N = 358). Hal ini kerana terdapatnya borang-borang yang tidak dikembalikan manakala borang-borang yang dikembalikan tidak dijawab dengan lengkap (N=92). Walau bagaimanapun, nilai ini dapat diterima pakai kerana dapat mencerminkan keseluruhan sampel.

4.1 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN

Responden di Pulau Langkawi, Pangkor, Tioman dan Redang terdiri daripada 63.02% lelaki (213 orang) dan 36.99% perempuan (125 orang). Kesemua responden yang terlibat berumur dalam lingkungan 14 hingga 80 tahun. Majoriti terdiri daripada mereka

yang berumur 26 hingga 40 tahun iaitu 49.70% dengan purata umur 35.32 tahun (Jadual 7).

Jadual 7 Jantina dan Umur Responden

Umur	Lelaki		Perempuan		Jumlah Peratus (%)
	Frekuensi	Peratus (%)	Frekuensi	Peratus (%)	
<25 tahun	31	9.17	42	12.43	21.60
26-40 tahun	108	31.95	60	17.75	49.70
41-55 tahun	59	17.46	18	5.33	22.79
> 56 tahun	15	4.43	5	1.48	5.91
Jumlah	213	63.02	125	36.99	100.00

Nilai tidak dijawab :20

Seperti ditunjukkan di Jadual 8, sebanyak 65.1% responden berbangsa Melayu, diikuti oleh 4.7% responden berbangsa Cina, 1.7% India dan 28.5% lagi lain-lain bangsa. Secara majoritinya, kumpulan responden ini mempunyai latar belakang pendidikan sekolah menengah (77.97%) dan sekolah rendah (10.42%) dan selebihnya (11.61%) mendapat pendidikan di universiti, kolej, maktab dan politeknik. (Jadual 9)

Jadual 8: Latar Belakang Etnik Responden

Etnik	Frekuensi	Peratus (%)
Melayu	233	65.1
Cina	17	4.7
India	6	1.7
Lain-Lain	102	28.5
Jumlah	358	100.0


Jadual 9: Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pendidikan	Frekuensi	Peratus (%)
Sekolah Menengah	262	77.97
Sekolah Rendah	35	10.42
Universiti	23	6.85
Kolej	8	2.38
Maktab	7	2.08
Politeknik	1	0.30
Jumlah	336	100.00

Nilai tidak dijawab : 22

Rajah 13 menunjukkan sektor pekerjaan responden yang terdiri daripada sektor swasta (37.85%) sebagai pekerja di hotel dan pemandu pelancong, diikuti bekerja sendiri (35.31%) sebagai peniaga kecil-kecilan dan sektor kerajaan (14.4%). Manakala sebanyak 7.91% merupakan surirumah, 3.67% adalah pelajar dan hanya 0.85% responden tidak bekerja yang terdiri daripada golongan emas.

RAJAH 13 Pekerjaan Responden Mengikut Sektor



Nilai tidak dijawab : 4

Seperti ditunjukkan di Jadual 10, daripada keseluruhan responden, didapati majoriti 70.49% merupakan penduduk asal daripada keempat-empat pulau. Daripada jumlah tersebut, 40.18% telah menetap di kawasan kajian lebih daripada 30 tahun, manakala 2.97% sahaja yang menetap kurang daripada 10 tahun. Responden yang bukan penduduk asal pulau pula sebanyak 29.76%.

Jadual 10: Tempoh menetap responden di kawasan kajian

Tempoh menetap	Penduduk asal pulau		Bukan penduduk asal pulau	
	Frekuensi	Peratus (%)	Frekuensi	Peratus (%)
< 10 tahun	10	2.98	70	20.82
11 – 30 tahun	91	27.08	27	8.04
31 – 50 tahun	105	31.25	3	0.89
> 51 tahun	30	8.93	0	0.00
Jumlah	236	70.24	100	29.76

Nilai tidak dijawab : 22

4.2 KEKERAPAN DAN PERASAAN BERTEMU PELANCONG ASING

Merujuk kepada jadual analisis *Crosstabs*, antara kekerapan dan perasaan bertemu pelancong asing (Jadual 11), majoriti responden adalah responden yang 'selalu' bertemu pelancong dengan perasaan 'biasa' iaitu 42.90% yang berumur dalam lingkungan 26 hingga 40 tahun. Diikuti responden 'kadang-kala' bertemu pelancong dengan perasaan 'biasa' (16.19%) dan responden yang 'sangat kerap' bertemu pelancong dengan perasaan 'biasa' (11.36%). Merujuk kepada peringkat umur dan kekerapan bertemu pelancong pula (Jadual 12), majoriti responden berumur dalam lingkungan 26 hingga 40 tahun yang 'selalu' bertemu pelancong, diikuti kumpulan responden dalam lingkungan umur 41 hingga 55 tahun yang 'selalu' bertemu pelancong dan seterusnya kumpulan umur 26 hingga 40 tahun yang 'kadang kala' bertemu pelancong asing.

Jadual 11: Kekerapan dan Perasaan Bertemu Pelancong Asing

Kekerapan bertemu dengan pelancong asing	Apabila bertemu dengan pelancong asing, saya berasa (%)					JUMLAH
	Amat gembira	Biasa	Tertekan	Benci		
Sangat kerap	5.40	11.36	0.00	0.28		17.05
Selalu	6.25	42.90	0.28	0.85		50.28
Kadang kala	1.70	16.19	1.70	1.14		20.74
Jarang-jarang	0.00	8.52	1.14	1.99		11.65
Tidak pernah	0.00	0.00	0.00	0.28		0.28
JUMLAH	13.35	78.98	3.13	4.54		100.00

Nilai tidak dijawab : 6

Jadual 12: Umur Responden Dan Kekerapan Responden Bertemu Pelancong Asing

Umur (Tahun)	Kekerapan bertemu dengan pelancong asing					Jumlah
	Sangat Kerap	Selalu	Kadang Kala	Jarang-Jarang	Tidak Pernah	
<25	15	29	15	3	0	62
26-40	31	102	30	23	0	186
41-55	11	35	18	10	0	74
> 56	3	10	9	4	1	27
Jumlah	60	176	72	40	1	349

Nilai tidak dijawab : 9

Pandangan responden terhadap kedatangan pelancong dan tahap pembangunan pelancongan di kawasan kajian (Jadual 13) secara umumnya berpendapat kedatangan pelancong perlu 'ditambah' dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian perlu 'ditingkatkan'. Majoriti responden berpandangan bahawa kedatangan pelancong perlu 'ditambah' dan tahap pembangunan pelancongan perlu 'ditingkatkan' (29.30%) diikuti responden yang berpendapat bahawa kedatangan pelancong perlu 'dikekalkan' dan tahap pembangunan perlu 'dikekalkan' (13.24%). Seterusnya, responden

berpendapat kedatangan pelancong perlu 'dikekalkan' dan pembangunan perlu 'ditingkatkan'.

Jadual 13: Pandangan Responden Terhadap Tahap Pembangunan Pelancongan di Pulau ini.

	Tahap pembangunan pelancongan di pulau ini (%)						JUMLAH
	Ditingkat banyak	Ditingkat	Dikekal-kan	Dikurang-kan sedikit	Dikurang-kan		
Bilangan Pelancong Perlu:	Ditambah banyak	9.58	5.63	3.10	1.69	1.41	21.41
	Ditambah	3.94	29.30	7.89	1.69	0.56	43.38
	Dikekalkan	0.85	11.27	13.24	1.69	0	27.04
	Dikurang-kan sedikit	0.28	0.28	3.66	1.97	0	6.20
	Dikurang-kan banyak	0	0	0.28	0.56	1.13	1.97
	JUMLAH	14.65	46.48	28.17	7.60	3.10	100.00

Nilai tidak dijawab : 3

4.3 PANDANGAN PENDUDUK TERHADAP KESAN AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN PULAU

4.3.1.1 Aktiviti dan Pembangunan Pelancongan Di Pulau

Penemuan kaji selidik mendapati bahawa responden daripada keempat-empat buah pulau memberikan lebih banyak perspektif yang menyokong terhadap pernyataan-pernyataan berkenaan kesan aktiviti dan pembangunan pulau yang diajukan. Hasil analisis Jadual 14, responden menunjukkan reaksi neutral hingga sangat setuju menyokong pernyataan-pernyataan yang diajukan (Min : 2.5 – 5.0) terutama terhadap 5 pernyataan iaitu 'harga tanah', 'kemusnahan alam', 'pembandaran', 'jenis pekerjaan'

n 'bangga'. Manakala, lain-lain pernyataan tidak memberikan gambaran yang begitu ketara kepada penduduk terhadap kesan aktiviti dan pembangunan pulau. Kenyataan ini disokong berdasarkan kepada sisihan piawai yang menjelaskan keseluruhan indikator kesan kepada aktiviti dan pembangunan pelancongan yang mencatatkan nilai antara 1.094 hingga 1.560. Ini menunjukkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh setiap responden adalah tidak terlalu ketara perbezaannya antara satu sama lain.

Jadual 14 : Indikator Kesan Kepada Aktiviti dan Pembangunan Pelancongan

PERNYATAAN	MIN	MOD	SISIHAN PIAWAI
Menyebabkan hilangnya kawasan hijau	3.25	4	1.329
Memusnahkan hidupan dan karangan laut (fish & coral reefs)	3.26	4	1.310
Memusnahkan alam banyak berlaku akibat pembangunan resort	3.41	4	1.236
Memusnahkan habitat hidupan liar (spt tempat burung bertelur)	3.03	4	1.439
Meningkatkan proses pemandaran	3.49	4	1.094
Memusnahkan kawasan hijau & sensitif (spt hutan bakau)	3.06	4	1.322
Menyebabkan budaya didagangkan	2.99	4	1.300
Merubah jenis pekerjaan	3.56	4	1.200
Membantu memupuk pemuliharaan (warisan/alam sekitar)	2.99	3	1.157
Menaikkan harga tanah dan bangunan	3.77	4	1.379
Menimbulkan masalah pelacuran	2.64	2	1.560
Menghapuskan keunikan/keaslian budaya	2.76	2	1.231
Mengikis nilai-nilai asal masyarakat	2.99	3	1.191
Membantu pemuliharaan budaya	2.84	3	1.205
Menjadikan penduduk bangga dengan tempat ini	3.65	4	1.203
Membawa masalah pendatang / pekerja asing	3.26	4	1.436
Menyebabkan penerokaan tanah rizab	3.39	4	1.471

58
 0 = Tidak tahu, 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

Jadual 15 menunjukkan peratusan persepsi responden mengikut Skala Likert yang bermula dengan nilai 0 iaitu 'Tidak Tahu' hingga nilai 5 iaitu 'Sangat Setuju'. Majoriti responden bersetuju mengatakan bahawa aktiviti dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian ini menyebabkan pernyataan-pernyataan tersebut. Majoriti ini juga menyatakan pembangunan menyebabkan hilangnya kawasan hijau, musnahnya

hidupan dan karangan laut, memusnahkan alam, musnahnya kawasan hijau dan sensitif, budaya didagangkan, mendorong perubahan jenis pekerjaan, menaikkan harga tanah dan bangunan, masalah pendatang haram dan menyebabkan tanah rizab diteroka. Selain itu juga, mereka bersetuju aktiviti ini membantu meningkatkan proses pembedaran di kawasan kajian. Umumnya, pembangunan ini membawa kebaikan dan juga keburukan. Namun, boleh dikawal sekiranya pembangunan dirancang dengan teliti dan pembangunan dijalankan mengikut perancangan yang sentiasa dipantau dan dikawal.

Jadual 15 : Persepsi Responden Terhadap Aktiviti & Pembangunan Pelancongan

PERNYATAAN	PERATUS (%)					
	TIDAK TAHU	SANGAT TIDAK SETUJU	TIDAK SETUJU	NEUTRAL	SETUJU	SANGAT SETUJU
1. Menyebabkan hilangnya kawasan hijau	2.8	8.2	20.3	15.8	35.9	16.9
2. Memusnahkan hidupan dan karangan laut (fish & coral reefs)	2.2	8.1	22.3	12.3	39.1	15.9
3. Memusnahkan alam banyak berlaku akibat pembangunan resort	2.5	5.0	17.4	15.7	42.9	16.5
4. Memusnahkan habitat hidupan liar (spt tempat penyu bertelur)	8.1	6.5	21.9	12.4	39.6	11.5
5. Meningkatkan proses pembedaran	2.5	3.7	8.7	25.3	47.5	12.4
6. Memusnahkan kawasan hijau & sensitif (spt hutan bakau)	5.6	7.3	19.7	19.9	38.2	9.3
7. Menyebabkan budaya didagangkan	3.6	8.1	25.8	23.5	26.1	12.9
8. Merubah jenis pekerjaan	4.2	4.5	6.2	15.3	55.5	14.2
9. Membantu memupuk pemuliharaan warisan/alam sekitar)	5.1	4.5	18.4	35.4	31.7	4.8
10. Menaikkan harga tanah dan bangunan	4.5	4.5	10.1	7.0	38.3	35.8

11. Menimbulkan masalah pelacuran	9.5	15.4	28.0	9.2	23.8	14.0
12. Menghapuskan keunikan/keaslian budaya	3.4	8.4	37.2	18.7	24.6	7.8
13. Mengikis nilai-nilai asal masyarakat	3.7	5.9	22.3	32.7	26.5	9.0
14. Membantu pemuliharaan budaya	5.1	6.5	26.3	29.7	26.8	5.6
15. Menjadikan penduduk bangga dengan tempat ini	3.9	3.1	7.0	17.4	47.6	21.0
16. Membawa masalah pendatang / pekerja asing	7.0	7.3	14.0	12.3	43.9	15.6
17. Menyebabkan penerokaan tanah rizab	8.4	5.3	10.1	11.7	44.7	19.8

Nota: 0 = Tidak tahu, 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = neutral, 4 = setuju, 5 = sangat setuju

4.3.1.2 Kesan Alam Sekitar

Dari aspek kesan alam sekitar pula, penduduk di kawasan kajian memberikan reaksi yang negatif mengenai kesan terhadap alam sekitar. Jadual 15 menunjukkan (Min: 1.5 – 3.5) terhadap 5 pernyataan yang menggambarkan 'kesan teruk dengan banyak' iaitu 'hakisan tanah', 'kerosakkan pantai', 'pencemaran air laut', 'pembuangan sampah merata-rata' dan 'pencemaran sungai'. Begitu juga, pernyataan-pernyataan lain turut menyumbang kepada kesan alam sekitar yang semakin teruk. Nilai sisihan piawai yang rendah antara 0.921 hingga 1.326 yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara dalam persepsi-persepsi yang diberikan oleh setiap responden.

Jadual 16 : Indikator kesan kepada alam sekitar

PERNYATAAN	N	MISSING	MIN	MOD	SISIHAN PIAWAI
Hakisan tanah	358	0	1.81	2	0.921
Pencemaran sungai	356	2	2.06	2	0.997
Pencemaran air laut	358	0	2.16	2	1.007
Pembuangan sampah merata-rata	358	0	2.20	1	1.220
Gangguan terhadap sumber-sumber tempatan (spt air, kayu-kayan)	356	2	2.33	3	1.152
Kesesakan di tempat-tempat awam (spt pantai)	358	0	2.34	2	0.961
Kerosakan pantai	358	0	2.36	3	1.085
Kesesakan lalu lintas	358	0	2.47	2	0.995
Kebersihan premis menjual makanan	357	1	2.87	4	1.254
kesucian tempat suci dan bersejarah	356	2	2.88	3	1.154
Keindahan pulau ini	357	1	3.16	4	1.267
Kemudahan riadah	357	1	3.29	4	1.326
Kemudahan infrastruktur	356	2	3.31	4	1.297
Laluan penduduk setempat ke pantai/rekreasi	358	0	3.51	4	1.154
Bekalan air dan letrik	356	2	3.61	4	1.225

Nota: 0= tidak tahu, 1= teruk dengan banyak, 2 = teruk sedikit, 3 = tiada kesan, 4 = baik sedikit, 5 = sangat baik

Berdasarkan Jadual 17 menunjukkan peratusan persepsi responden di kawasan kajian terhadap kesan pembangunan terhadap alam sekitar. Pada umumnya, penduduk memberikan pandangan 'teruk dengan sedikit' terhadap pembuangan sampah merata-rata, diikuti kesan 'teruk sedikit' terhadap pernyataan yang lebih berbentuk fizikal iaitu 'hakisan tanah', 'kesesakan lalu lintas', 'pencemaran air laut', 'kesesakan di tempat awam' dan 'pencemaran sungai'. Ini jelas dapat dilihat dengan mata kasar dan amat dirasai oleh penduduk di kawasan kajian. Manakala majoriti berpandangan positif terhadap pernyataan-pernyataan iaitu 'keindahan pulau ini', 'bekalan air dan elektrik', 'kemudahan infrastruktur', 'laluan penduduk setempat ke pantai / rekreasi', 'kemudahan riadah' dan 'kebersihan premis menjual makanan'. Hal ini juga dapat mendorong penduduk menyokong aktiviti dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian. Namun, perhatian serius perlu diberikan terhadap perkara yang memberi perspektif negatif kepada penduduk setempat.

Jadual 17: Persepsi responden terhadap kesan alam sekitar

PERNYATAAN	PERATUS (%)					
	TIDAK TAHU	TERUK DENGAN BANYAK	TERUK SEDIKIT	TIADA BERUBAH / KESAN	BAIK SEDIKIT	SANGAT BAIK
akisan tanah	8.7	22.1	53.4	12.6	2.2	1.1
kesucian tempat suci dan bersejarah	3.1	7.3	25.0	35.1	21.9	7.6
keindahan pulau ini	0.3	11.2	21.3	23.8	26.6	16.8
kekalanan air dan listrik	2.8	2.5	12.9	20.2	36.0	25.6
gangguan terhadap sumber-sumber empatan (spt air, kayu-ayuan)	10.1	8.7	32.6	37.6	8.4	2.5
erosakan pantai	4.7	17.3	28.8	37.4	9.8	2.0
kemudahan infrastruktur	6.5	3.7	12.9	17.4	48.9	10.7
kepujian penduduk setempat ke pantai/rekreasi	3.4	3.9	9.5	17.3	53.4	12.6
kesesakan lalu lintas	1.4	8.7	50.8	25.1	8.9	5.0
kecemaran air laut	5.0	14.8	50.3	22.1	4.7	3.1
kemudahan riadah	6.2	5.6	13.4	12.6	52.1	10.1
kepemungutan sampah merata-rata	2.0	33.5	32.4	8.1	22.6	1.4
kesesakan di tempat-tempat awam (spt pantai)	2.8	11.7	47.2	27.9	8.1	2.2
kebersihan premis menjual makanan	3.6	11.8	24.9	16.8	39.2	3.6
kecemaran sungai	6.5	16.9	48.9	21.9	3.7	2.2

Nota: 0= tidak tahu, 1= teruk dengan banyak, 2 = teruk sedikit, 3 = tiada kesan, 4 = baik sedikit, 5 = sangat baik

4.3.1.3 Kesan Kepada Sosial

Merujuk kepada Jadual 18, kesan aktiviti dan pembangunan pelancongan di kawasan kajian terhadap aspek sosial menunjukkan responden memberikan pendapat negatif (Min: 1.0 – 2.5) terhadap pernyataan keruntuhan akhlak, vandalisme, kecurian, penagihan dadah, masalah minum arak dan perjudian. Responden juga berpendapat, terdapat sedikit perubahan yang positif (Min : 3.5–4.5) dari aspek peluang pekerjaan, peluang pekerjaan yang lebih pelbagai, imej pulau-pulau ini, layanan mesra terhadap pelancong dan keakraban hubungan masyarakat dan semangat kejiwaan. Nilai sisihan piawai yang rendah iaitu 0.823 hingga 1.229 menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara bagi jawapan setiap responden di kawasan kajian.

Jadual 18 : Indikator Kesan Sosial

PERNYATAAN	MIN (Mean)	SISIHAN PIAWAI
Masalah minum arak	1.69	0.896
Keruntuhan akhlak	1.70	0.823
Penagihan dadah	1.73	0.879
Masalah perjudian	1.78	1.092
Kejadian vandalisme (merosak harta benda)	1.90	0.935
Kejadian kecurian	1.90	0.935
Masalah harga barangan (semakin naik)	1.94	0.913
Gangguan seksual	1.98	1.055
Lumba haram	2.02	1.056
Gelagat remaja meniru kelakuan pelancong	2.05	0.975
Kos pengangkutan awam (spt tambang feri dsbnya)	2.19	1.001
Kebisingan	2.26	0.947
Kemalangan (jalanraya/laut)	2.34	1.028
Pencemaran bahasa (melayu)	2.66	1.041
Jurang pendapatan di kalangan penduduk	3.05	1.161
Tahap keselamatan penduduk	3.28	1.229
Hubungan masyarakat dan semangat kejiranan	3.32	1.072
Imej pulau ini	3.67	1.182
Layanan penduduk terhadap pelancong	3.67	1.215
Reluang niaga	3.71	1.110
Reluang kerja	3.87	0.930

Nota: N=358 0= tidak tahu, 1= teruk dengan banyak, 2 = teruk sedikit, 3 = tiada kesan, 4 = baik sedikit, 5 = sangat baik

